SOLAT TAHAJJUD (QIAMUL LAIL) & WITIRNYA RASULULLAH

Oleh:
Rasul bin Dahri

SOLAT TAHAJJUD &
WITIRNYA RASULULLAH

Soalan:

Apa hukumnya mendahulukan witir sebelum tahajjud (Qiamul- lail) atau sembahyang malam? Bagaimana kalau saya solat witir dua kali dalam semalam iaitu sebelum tidur dan kemudian setelah bangun 1/3 dari malam? Dan bagaimana sifat solat malam (tahajjud) dan witir Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*? Harap jelaskan dengan hujjah.

Jawapan:

Waktu untuk solat malam, tahajjud (qiamul-lail) dan berwitir ialah sebagaimana yang telah diterangkan dan dicontohkan oleh Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam*:

الوترُ فِيْمَا بَيْنَ صَلاَةِ الْعِشَاءِ اَلَى طُلُوْعِ الْفَجْرِ.

"Solat witir (waktunya) ialah antara (selepas) solat 'Isya sehingga terbitnya fajar (subuh)".[1]

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ : مِنْ كُلِّ اللَّيْلِ قَدْ أَوْتَرَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْـــهِ وَسَلَّمَ ، مِنْ أَوَّلِ اللَّيْلِ ، وَأَوْسَطِهِ وَآخِرِهِ ، فَانْتَهَى وِتْرُهُ اِلَى السَّحَرِ.

"Dari 'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Dari kesemua malam sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam mengerjakan solat witir iaitu dipermulaan malam, ditengah malamnya dan diakhir malamnya dan (waktu) witir berakhir sampai sahur (terbit fajar)".[2]

عَنْ جَابِرٍ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ خَافَ أَنْ لاَ يَقُوْمَ مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ فَلْيُوْتِرْ أَوَّلَهُ ، وَمَنْ طَمِعَ أَنْ يَقُوْمَ آخِرَهُ فَلْيُوْتِرْ آخِرَ اللَّيْلِ ، فَإِنَّ صَـــلاَةَ آخِـــرِ اللَّيْلِ مَشْهُوْدَةٌ وَذَلِكَ أَفِضَلُ.

---

[1]. H/R Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah dan Tirmizi.

[2]. H/R Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaii dan Ibnu Majah.

"Dari Jabir berkata: Telah bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam, sesiapa yang takut tidak dapat bangun diakhir malam, maka hendaklah ia solat witir pada awal malamnya dan sesiapa yang dapat bangun diakhir malamnya, maka hendaklah ia witir di akhir malamnya kerana sesungguhnya solat diakhir malam itu disaksikan dan yang demikian itu lebih utama".[3]

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : أَوْصَانِيْ خَلِيْلِيْ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثَلاَثٍ : بِصِيَامِ ثَلاَثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ ، وَرَكْعَتَيِ الضُّحَى ، وَاَنْ أُوْتِرَ قَبْلَ اَنْ أَرْقُدَ.

"Dari Abu Hurairah berkata: Telah berwasiat kepadaku kekasihku sallallahu 'alaihi wa-sallam dengan tiga perkara: Berpuasa pada setiap bulan tiga hari, solat duha dua rakaat dan supaya aku solat witir sebelum aku tidur".[4]

عَنِ اْلاَسْوَدِ قَالَ : سَأَلْتُ عَائِشَةَ كَيْفَ صَلاَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلِيْهِ وَسَلَّمَ بِاللَّيْلِ ؟ قَالَتْ : كَانَ يَنَامُ أَوَّلَهُ وَيَقُوْمُ آخِرَهَ فَيُصَلِّي ثُمَّ يَرْجِعُ اِلَى فِرَاشِهِ.

"Dari al-Aswad berkata: Aku pernah bertanya kepada 'Aisyah bagaimana cara solat Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam di waktu malam? Beliau menjawab: Baginda biasanya tidur pada awal malam, bangun pada akhir malam, lalu baginda solat, setelah itu baginda kembali ke tempat tidurnya".[5]

عَنْ مَسْرُوْقٍ قَالَ : سَأَلْتُ عَائِشَةَ أَيُّ الْعَمَلِ كَانَ أَحَبَّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ؟ قَالَتْ : اَلدَّائِمُ . قُلْتُ : مَتَى يَقُوْمُ ؟ قَالَتْ : إِذَا سَمِعَ الصَّارِخَ.

"Dari Masruq ia berkata: Aku pernah bertanya kepada 'Aisyah: Amal apakah yang paling digemari oleh Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam? Beliau menjawab: Yang terus-menerus dikerjakan. Aku bertanya lagi: Bilakah baginda bangun (solat malam)? Jawabnya: Apabila telah mendengar ayam berkokok".[6]

---

[3]. H/R Muslim 2/174.

[4]. H/R Bukhari dan Muslim.

[5]. H/R Bukhari 2/47.

[6]. H/R Bukhari 2/44.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ ، اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : اَحَبُّ الصَّلاَةِ اِلَى اللهِ صَلاَةُ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلاَمُ ، وَاَحَبَّ الصِّيَامِ اِلَى اللهِ صِيَامُ دَاوُدَ ، وَكَانَ يَنَامُ نِصْفَ اللَّيْلِ ، وَيَقُوْمُ ثُلُثَهُ وَيَنَامُ سُدُسَهُ ، وَيَصُوْمُ يَوْمًا وَيُفْطِرُ يَوْمًا.

"Dari Abdullah bin Amr bin Ash: Sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Solat yang paling disukai oleh Allah ialah solat Daud 'alaihis-salam, puasa yang paling disukai oleh Allah ialah puasa Daud. Baginda biasa tidur pada tengan malam, dan bangun pada sepertiganya (untuk solat malam), ia tidur lagi pada seperenamnya dan ia biasa puasa sehari dan berbuka sehari'.[7]

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ : فَنَامَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى انْتَصَفَ اللَّيْلُ اَوْ بَعْدَهُ بِقَلِيْلٍ ، ثُمَّ اسْتَيْقَظَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَلَسَ فَمَسَحَ النَّوْمَ عَنْ وَجْهِهِ بِيَدِهِ ، ثُمَّ قَرَأَ الْعَشْرَ آيَاتٍ خَوْاتِيْمِ سُوْرَة آلِ عِمْرَانَ ، ثُمَّ قَامَ اِلَى شَنٍّ مُعَلَّقَةٍ فَتَوَضَّأَ مِنْهَا فَأَحْسَنَ وُضُوْأَهُ ثُمَّ قَامَ يُصَلَّى

"Dari Ibnu Abbas ia berkata: Maka Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam tidur, sehingga tengah malam, kurang sedikit atau lebih sedikit, kemudian Rasulullah pun bangun lalu baginda duduk dan mengusap rasa mengantuk di wajahnya dengan tangannya, kemudian baginda membaca sepuluh ayat akhir surah Ali Imran, kemudian baginda bangun menuju tempat wuduk yang tergantung, kemudian baginda berwuduk darinya dan membaguskan wuduknya, kemudian baginda berdiri untuk solat".[8]

Dari hadis-hadis sahih di atas, dapat diketahui bagaimana dan bila waktu solat malam para Nabi. Maka contoh yang paling hak adalah cara solat, bacaan dan waktu solat malam ialah dengan mencontohi solat para Nabi.

Pada satu malam tidak ada dua witir:

عَنْ طَلْقِ بْنِ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ : لاَوِتْرَانِ فِى لَيْلَةٍ.

[7]. H/R Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaii dan Ibn Majah.

[8]. H/R Bukhari 1/43. Muslim.

"Dari Talqi bin Ali radiallahu 'anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Tidak ada dua witir pada satu malam".[9]

Hadis ini menjelaskan bahawa tidak ada solat witir dua atau tiga kali pada satu malam. Tetapi solat malam dibolehkan walau berulang-ulang kali.

Antara cara witir Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*:

Pada kebiasaannya, apabila bersolat witir baginda tidak memisahkan antara rakaat kedua dengan rakaat ketiga. Tetapi ada kalanya baginda melakukannya satu rakaat sebagai keterangan dari hadis-hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ : كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوْتِرُ بِثَلاَثٍ لاَ يَفْصِلُ بَيْنَهُنَّ.

"Dari 'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Adalah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam berwitir tiga rakaat, baginda tidak memisahkan antara rakaat-rakaat tersebut".[10]

Menurut Syeikh Nasruddin al-Albani, sanad hadis ini lemah ضعيف *"dhaif"* [11] kerana Nabi pernah bersabda:

وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يُوْتِرَ بِوَاحِدَةٍ فَلْيَفْعَلْ

"Dan sesiapa yang mahu berwitir satu rakaat, maka lakukanlah".[12]

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّى مَا بَيْنَ أَنْ يَفْرَغَ مِنْ صَلاَةِ الْعِشَاءِ اِلَى الْفَجْرِ اِحْدَى عَشَرَةَ رَكْعَةً ، يُسَلِّمُ بَيْنَ كُلِّ رَكْعَتَيْنِ ، وَيُوْتِرُ بِوَاحِدَةٍ.

"Dari 'Aisyah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam pernah solat (tahajjud), iaitu selepas solat 'Isya sehingga fajar

---

9. H/R Ahmad, Abu Daud, Nasaii dan Tirmizi.

10. H/R Ahmad.

11. Lihat: Irwa al-Galil. No. 421. Al-Albani.

12. H/R Abu Daud, Ahmad, Ibnu Majah dan Nasaii.

sebanyak sebelas rakaat, baginda salam setiap dua rakaat dan berwitir dengan satu rakaat".[13]

فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ ، ثُمَّ رَكْعَتَيْنِ ، ثُمَّ رَكْعَتَيْنِ ، ثُمَّ رَكْعَتَيْنِ ، ثُمَّ رَكْعَتَيْنِ ، ثُمَّ رَكْعَتَـــيْنِ، ثُمَّ أَوْتَرَ.

"Maka baginda memulakan dengan solat dua rakaat, kemudian dua rakaat, kemudian dua rakaat, kemudian dua rakaat, kemudian dua rakaat, kemudian dua rakaat dan kemudian berwitir satu rakaat".[14]

Dengan hadis sahih di atas, maka ini menunjukkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersolat malam dengan dua rakaat-dua rakaat dan kemudian ada kalanya bersolat witir hanya satu rakaat.

Solat witir tidak menyerupai solat Maghrib:

Ada kalanya baginda bersolat witir dengan tidak memisahkan antara rakaat kedua dengan ketiga, namun tidak boleh menyerupai solat Magrib, sebagaimana sabda baginda:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لاَ تُوْتِرُوْا بِثَلاَثٍ ، اَوْتِرُوْا بِخَمْسٍ اَوْ سَبْعٍ وَلاَ تُشَبِّهُوْا بِصَلاَةِ الْمَغْرِبِ.

"Dari Abi Hurairah radiallahu 'anhu, dari Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam baginda bersabda: Janganlah kamu witir dengan tiga rakaat (jangan menyerupai Magrib), berwitirlah dengan lima rakaat atau tujuh rakaan. Dan janganlah (witir kamu) menyerupai solat Magrib".[15]

Maksud menyerupai solat Maghrib ialah dengan membaca tasyahhud (tahiyyat) awal. Agar tidak menyerupai solat Maghrib, maka lakukanlah solat witir tiga rakaat dengan tidak bertasyahhud awal.

Bacaan Rasulullah dalam solat witir:

---

[13]. H/R Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaii dan Ibnu Majah.

[14]. H/R Bukhari 1/53. Muslim 2/179.

[15]. H/R Sahih riwayat Daruqutni.

عَنْ أُبَيٍّ بْنِ كَعْبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْرَأُ فِى الْوِتْرِ : سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ اْلأَعْلَى. وَفَى الرَّكْعَةِ الثَّانِيَةِ : قُلْ يَاأَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ. وَفِى الثَّالِثَةِ : قُلْ هُوَ اللهُ اَحَدٌ ، وَلاَ يُسَلِّمُ اِلاَّ فِى آخِرِهِنَّ.

"Dari Ubay bin Ka'ab, sesungguhnya Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam membaca dalam solat witir (dirakaat pertama): Sabbihisma Rabbikal A'la. Dirakaat kedua: Qul Ya ayyuhul Kafirun. Dirakaat yang ketiga: Qul Huwallahu Ahad".[16]

Solat yang paling sempurna adalah mencontohi Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*, sama ada cara-caranya, wakktunya, bilangan rakaatnya dan bacaannya.

Solat malam dengan empat rakaat dengan satu salam:

Tidak ada kesalahan bersolat malam (bertahajjud) dengan empat rakaat kemudian dengan satu salam, kerana ia pernah dilakukan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*:

عَنْ أَبِيْ سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّهُ سَأَلَ عَائِشَةَ كَيْفَ كَانَتْ صَلاَةُ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رَمَضَانَ . فَقَالَتْ : مَاكَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَزِيْدُ فِى رَمَضَانَ وَلاَ فِى غَيْرِهِ عَلَى اِحْدَى عَشَرَةَ رَكْعَةً ، يُصَلِّيْ أَرْبَعًا فَلاَ تَسْأَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُوْلِهِنَّ ، ثُمَّ يُصَلِّيْ أَرْبَعًا فَلاَ تَسْأَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُوْلِهِنَّ ، ثُمَّ يُصَلِّيْ ثَلاَثًا.

"Dari Abi Salamah bin Abdrurrahman, sesungguhnya ia pernah bertanya kepada 'Aisyah bagaimana solat Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam dibulan Ramadan. Maka 'Aisyah menjawab: Tidak pernah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam solat di bulan Ramadan dan tidak dibulan lainnya lebih dari sebelas rakaat. Baginda solat empat rakaat, maka jangan ditanya tentang bagusnya dan lamanya, kemudian baginda solat empat rakaat, maka jangan ditanya tentang bagusnya dan lamanya, kemudian baginda solat tiga rakaat (witir)".[17]

Bersolat malam (qiamul-lail) atau tahajjud, sama ada melakukannya empat rakaat dengan satu salam, atau dua rakaat dengan satu salam adalah masalah khilafiyah. Tidak sewajarnya perkara ini menjadi polemik dan pertikaian.

[16]. H/R Nasaii, Abu Daud, Ahmad dan Ibn Majah.

[17]. H/R Bukhari 2/47. Muslim 2/166.

Sifat (cara) solat witir yang telah ditinggalkan:

Ada kalanya Nabi *sallallahu 'alaihi wa-sallam* mengerjakan solat witir sembilan rakaat, tujuh rakaat, lima rakaat dengan satu salam. Dan ada kalanya tiga dan pernah juga satu rakaat sebagaimana dijelaskan di dalam hadis-hadis sahih di bawah ini:

عَنْ أَبِيْ أَيُّوْبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اَلْوِتْرُ حَقٌّ ، فَمَنْ اَحَبَّ أَنْ يُوْتِرَ بِخَمْسٍ فَلْيَفْعَلْ ، وَمَنْ اَحَبَّ أَنْ يُوْتِرَ بِثَلاَثٍ فَلْيَفْعَلْ ، وَمَنْ اَحَبَّ أَنْ يُوْتِرَ بِوَاحِدَةٍ فَلْيَفْعَلْ.

"Dari Abi Ayyub berkata: Telah bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Solat witir itu adalah haq. Maka sesiapa yang suka berwitir dengan lima rakaat, maka lakukanlah, sesiapa yang berwitir dengan tiga rakaat maka lakukanlah dan sesiapa yang solat witir dengan satu rakaat maka kerjakanlah".[18]

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لاَ تُوْتِرُ بِثَلاَثٍ اَوْتِرُوْا بِخَمْسٍ ، اَوْ سَبْعٍ ، وَلاَ تُشَبِّهُوْا بِصَلاَةِ الْمَغْرِبِ.

"Dari Abi Hurairah, dari Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam baliau bersabda: janganlah kamu witir dengan tiga rakaat (maksudnya jangan menyerupai solat Magrib), tetapi bverwitirlah dengan lima rakaat atau dengan tujuh rakaat, dan janganlah kamu menyerupai solat Maghrib".[19]

Menghidupkan sunnah yang telah ditinggalkan adalah besar pahala dan fadhilatnya. Bersolat witir sebagaimana yang dicontohkan oleh Nabi *sallallahu 'alaihi wa-sallam* di hadis sahih di atas perlulah dihidupkan kembali.

Witir lima, tujuh dan sembilan rakaat dengan dua tahiyyat dan satu salam:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ : كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوْتِرُ بِسَبْعٍ وَبِخَمْسٍ ، لاَ يَفْصِلُ بَيْنَهُنَّ بِسَلاَمٍ وَلاَ كَلاَمٍ.

---

[18]. H/R Abu Daud, Ahmad, Ibnu Majah dan Nasaii.

[19]. H/R Daruqatni.

“Dari Ummi Salamah ia berkata: Rasulullah sallahu ‘alaihi wa-sallam pernah solat witir tujuh rakaat dan lima rakaat dengan tidak memisahkan antara rakaat-rakaat tersebut dangan salam atau perkataan”.[20]

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّيْ مِنَ اللَّيْـــلِ ثَـــلاَثَ عَشَرَةَ رَكْعَةٍ ، يُوْتِرُ مِنْ ذَلِكَ بِخَمْسٍ ، لاَ يَجْلِسُ فِى شَيْءٍ مِنْهُنَّ اِلاَّ فِى آخِرِهِنَّ.

“Dari ‘Aisyah berkata: Pernah Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa-sallam solat malam tiga belas rakaat, baginda berwitir dari yang tiga belas rakaat dengan lima rakaat, baginda tidak duduk dalam solat witir yang lima rakaat tersebut kecuali pada rakaat yang terakhir”.[21]

عَنْ سَعَدِ بْنِ هِشَامٍ أَنَّهُ قَالَ لعَائِشَةَ : أَنْبِئِيْنِيْ عَنْ وِتْرِ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . فَقَالَتْ : كُنَّا نُعِدُّلَهُ سِوَاكَهُ وَطَهُوْرَهُ فَيَبْعَثُهُ اللهُ مَاشَاءَ أَنْ يَبْعَثَهُ مِنَ اللَّيْلِ ، فَيَتَـــسَوَّكَ وَتَوَضَّأَ ، وَيُصَلِّي تِسْعَ رَكَعَاتٍ لاَ يَجْلِسُ فِيْهَا اِلاَّ فِى الثَامِنَةِ فَيَـــذْكُرُ اللهَ وَيَحْمَـــدُهُ وَيَدْعُوْهُ ، ثُمَّ يَنْهَضُ وَلاَ يُسَلِّمُ ، ثُمَّ يَقُوْمُ فَيُصَلِّي التَّاسِعَةَ ، ثَـــمَّ يَقْعُـــدُ فَيَـــذْكُرُ اللهَ وَيَحْمَدَهُ ، وَيَدْعُوْهُ ، ثُمَّ يُسَلِّمُ تَسْلِيْمًا يُسْمِعُنَا ، ثُمَّ يُصَلِّيْ رَكْعَتَيْنِ بَعْدَمَا يُسَلِّمُ وَهُوَ قَاعِدٌ ، فَتِلْكَ اِحْدَى عَشَرَةَ يَابُنَيَّ . فَلَمَّا اَسَنَّ نَبِيُّ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَـــلَّمَ وَأَخَـــذَ اللَّحْمَ أَوْتَرَ بِسَبْعٍ لَمْ يَجْلِسْ إِلاَّ فِى السَّادِسَةِ وَالسَّابِعَةِ ، وَلَمْ يُسَلِّمْ إِلاَّ فِى السَّابِعَةِ ، وَصَنَعَ فِى الرَّكْعَتَيْنِ مِثْلَ صَنِيْعِهِ الْأَوَّلِ ، فَتِلْكَ تِسْعٌ يَابُنَيَّ.

“Dari Saad bin Hisyam, sesungguhnya ia pernah bertanya kepada ‘Aisyah: Khabarkanlah kepadaku tentang witirnya Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa-sallam: Maka ‘Aisyah berkata: Kami biasa menyediakan untuk baginda gosok gigi dan air wuduknya, maka kemudian Allah akan membangunkan baginda jika Ia kehendaki untuk membangunkannya diwaktu malam. Kemudian baginda bersiwak lalu berwuduk, kemudian solat sembilan rakaat yang baginda tidak duduk (tasyahhud) di rakaat tersebut kecuali di rakaat yang kelapan, maka baginda duduk berzikir kepada Allah dan memujiNya, berdoa kepadaNya, kemudian baginda bangun dan tidak salam, kemudian baginda berdiri melanjutkan solatnya kerakaat yang kesembilan. Kemudian dirakaat yang kesembilan baginda duduk, berzikir, memujiNya dan berdoa (iaitu bertasyahhud), kemudian baginda memberi

---

[20]. H/R Ahmad, Nsaii dan Ibnu Majah.

[21]. H/R Bukhari, Muslim dan Ahmad.

salam yang benar-benar baginda dengarkan kepada kami. Sesudah salam baginda solat dua rakaat sambil duduk. Maka yang demikian berjumlah sebelas rakaat wahai anakku. Maka setelah Nabiullah sallallahu 'alahi wa-sallam sudah tua dan gemuk, baginda witir tujuh rakaat, baginda tidak duduk tasyahhud, kecuali dirakaat keenam dan ketujuh, dan tidak salam kecuali dirakaat yang ketujuh. Dan baginda lakukan dua rakaat sambil duduk seperti yang ia kerjakan tadi. Maka yang demikian itu semuanya berjumlah sembilan rakaat wahai anakku".[22]

Solat malam Rasulullah *sallallahu 'alahi wa-sallam* menjadi tiga belas rakaat sebagaimana terdapat di hadis ini, kerana termasuk dua rakaat pertama iaitu solat iftitah. Tetapi solat malam baginda hanyalah sebelas rakaat. Kenyataan ini diperkuat melalui hadis seterusnhya:

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدْ الْجُهَنِيِّ أَنَّهُ قَالَ : لأَرْمُقَنَّ صَلاَةَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَــلَّمَ اللَّيْلَةَ ، فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ خَفِيْفَتَيْنِ ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ طَوِيْلَتَيْنِ ، طَوِلَتَيْنِ ، طَــوِلَتِيْنِ ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ وَهُمَا دُوْنَ اللَّتَيْنِ قَبْلَهُمَا ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ وَهَمَــا دُوْنَ اللَّتَــيْنِ قَبْلَهُمَا ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ وَهُمَا دُوْنَ اللَّتَيْنِ قَبْلَهُمَا ، ثُمَّ صَلَّى رَكَعَتَيْنِ وَهُمَــا دُوْنَ اللَّتَيْنِ قَبْلَهُمَا ، ثُمَّ أَوْتَرَ ، فَذَلِكَ ثَلاَثَ عَشَرَةَ رَكْعَةً.

"Dari Zaid bin Khalid al-Juhani bahawasanya dia berkata: Aku pernah memerhatikan dengan teliti cara solat malamnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam. Baginda memulakan dengan dua rakaat yang ringan (pendek bacaannya), kemudian solat dua rakaat yang amat panjang (panjang bacaannya), kemudian solat dua rakaat yang kurang panjang dari sebelumnya, dua rakaat yang kurang panjang dari sebelumnya, kemudian solat lagi dua rakaat yang lamanya kurang dari dua rakaat yang sebelumnya, lalu solat lagi dua rakaat yang lamanya kurang dari dua rakaat sebelumnya, kemudian solat lagi yang lamanya kurang dari dua rakaat sebelumnya, kemudian baginda solat witir satu rakaat, maka semuanya tiga belas rakaat".[23]

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ : كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّى مِنَ اللَّيْــلِ ثَــلاَثَ عَشَرَةَ رَكْعَةً.

---

[22]. H/R Muslim 2/169. 179. Abu Daud no 1342. Ahmad dan Nasaii.

[23]. H/R Muslim 2/183.

"Dari Ibnu Abbas berkata: Pernah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam solat malam tiga belas rakaat".[24]

Melalui penerangan di atas, maka jelaslah bahawa solat malam Nabi *sallallahu 'alaihi wa-sallam* sebanyak sebelas rakaat. Walaupun bunyi hadis di atas seolah-olah tiga belas rakaat, tetapi sebenarnya ialah sebelas rakaat, kerana dua rakaat yang pertama adalah solat iftitah (solat pembukaan). Ada juga riwayat yang menjelaskan bahawa dua rakaat yang pertama ialah qabliyatul Isya' atau solat sunnatul wudu. Wallahu 'alam.

[24]. H/R Muslim. 2/183.